



JABATAN PEGUAM NEGARA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEPUTUSAN KES MELIBATKAN KEMATIAN TEOH BENG HOCK

Polis Diraja Malaysia telah merujuk kertas siasatan berhubung dengan kematian Teoh Beng Hock yang telah ditemui meninggal dunia pada 16/07/2009 di bahagian luar koridor Tingkat 5, Plaza Masalam, Shah Alam, Selangor kepada Jabatan Peguam Negara. Jabatan ini telah meneliti dan mengkaji keseluruhan kertas siasatan yang dikemukakan.

Hasil penelitian terhadap keseluruhan keterangan mendapati tiada bukti yang mencukupi untuk membuktikan apa jua kesalahan terhadap mana-mana individu di bawah undang-undang. Oleh itu, arahan yang diberikan adalah supaya tiada tindakan lanjut (*"No Further Action"*) diambil berhubung dengan kertas siasatan ini.

JABATAN PEGUAM NEGARA

22 MEI 2025